

16 OCT 2003

PEMIMPIN ELOK FIKIR BERUNDUR JIKA BERADA TERLALU LAMA, KATA NAJIB

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pemimpin Barisan Nasional (BN) perlu berundur sekiranya telah duduk terlalu lama dalam satu-satu jawatan sehinggakan tidak memberi kesan yang baik kepada parti.

Bercakap kepada pemberita pada waktu makan tengah hari Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) beliau berkata, ia lebih kepada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, bahawa pemimpin bukanlah 'indispensable' (begitu diperlukan sehingga tidak boleh lepaskan jawatan).

"Isu ini banyak polemiknya terutamanya apa dia definisi veteran yang masih samar-samar kerana berbeza kepada sesetengah orang.

"Jadi kalau kita nak sebut cara umum pemimpin veteran nanti ada orang tersinggung. Maknanya kalau kita tak beri sumbangan bermakna, elok fikir untuk mengundur diri tetapi kalau masih boleh beri sumbangan, itu terpulang kepada individu dan parti menentukan perkara ini," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam temubual dengan Bernama dua hari lepas bahawa pemimpin veteran perlu mengundur diri dan memberi peluang pada muka baru selain membantu berkempen pada pilihan raya umum yang akan datang.

-- BERNAMA

SHS AZZ AHH PR